

Kesilapan Penggunaan Kata Ganda

Malaysia merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini, peraturan penggunaannya kurang diambil tahu oleh kebanyakan penuturnya. Oleh sebab itu, pelbagai kesalahan bahasa dapat dilihat di mana-mana sahaja meskipun yang betulnya sudah pun dipelajari di sekolah. Kesukaran untuk meninggalkan kebiasaan yang salah itu, antara lainnya berpunca daripada kurangnya sikap tanggungjawab individu atau pihak yang berkenaan terhadap bahasa sendiri. Antara kesilapan yang dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu termasuklah penggunaan kata ganda.

Berdasarkan mana-mana sistem ejaan, kata ganda hendaklah dieja dengan menggunakan tanda sempang (-), contohnya ialah

rumah-rumah kanak-kanak berkali-kali
sayur-mayur jari-jemari masak-memasak

Walaupun begitu, tanda sempang tidak digunakan pada penggandaan separa bagi kata tunggal, misalnya

lelaki pepohon kekuda

Akibat tidak mengambil berat tentang peraturan ejaan, kesalahan ejaan berlaku.

Selain mengelirukan pelajar, sikap negatif tersebut turut menjadi ikutan generasi muda. Pada masa yang sama usaha untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul tidak akan menjadi kenyataan, meskipun pelbagai program kebahasaan dijalankan. Sila teliti contoh kesalahan ejaan bagi kata yang berikut yang terdapat pada kenderaan dan pada kain rentang.

ADIK BERADIK

Nama syarikat
bas.

GOTONG ROYONG
PERDANA

Kain rentang
hampir di semua
sekolah di sebuah
negeri pada
musim kempen
tersebut.

Apakah jawapan yang paling tepat jika pihak yang berkenaan diminta untuk

menyatakan sebab pengguguran tanda sempang pada nama syarikat kenderaan dan nama program tersebut?

Berdasarkan sistem morfologi tatabahasa bahasa Melayu, perkataan yang mengikuti kata bilangan yang bermaksud jamak atau banyak, misalnya *banyak, semua, segala, setiap, segelintir*, dan lain-lain tidak boleh digandakan. Jika digandakan terhasilah bentuk lewah yang tidak menepati tatabahasa bahasa Melayu. Walaupun begitu, bentuk yang kurang tepat itu tetap menjadi pilihan kebanyakan pengguna, tidak terkecuali, sesetengah guru di sekolah. Oleh sebab itu, rangkai kata seumpama yang berikut digunakan secara berleluasa.

SALAH	BETUL
Banyak anasir-anasir	Banyak anasir
Beberapa orang ahli-ahli persatuan	Beberapa orang ahli persatuan
Kebanyakan usul-usul	Kebanyakan usul
Ramai orang-orang kenamaan	Ramai orang kenamaan
Setiap anggota-anggota masyarakat	Setiap anggot masyarakat
Semua kakitangan-kakitangan jabatan	Semua kakitangan jabatan
Segala maklumat-maklumat	Segala maklumat
Setiap peserta-peserta	Setiap peserta
Sesetengah daripada pelajar-pelajar	Sesetengah daripada pelajar
Segelintir daripada pemain-pemain	Segelintir daripada pemain

Sekiranya pengguna ingin menggunakan kata ganda, kata bilangan yang hadir sebelumnya hendaklah digugurkan, seperti ayat yang berikut.

- Anggota-anggota* pasukan keselamatan telah dihantar ke sana.
- Pemain-pemain* bola sepak negara telah menerima ganjaran.

Jika kata bilangan hendak digunakan, kata nama yang hadir selepas kata bilangan itu tidak harus digandakan.

- Beberapa orang* anggota pasukan keselamatan telah dihantar ke sana.
- Segelintir daripada* pemain bola sepak negara telah menerima ganjaran.

Sesetengah pengguna bahasa Melayu selalunya menggandakan kata yang mengikuti kata yang bermaksud kumpulan, seperti yang berikut:

SALAH	BETUL
Antara usaha-usaha	Antara usaha
Barisan pemain-pemain hoki negara	Barisan pemain hoki negara
Deretan kedai-kedai makan	Deretan kedai makan
Koleksi buku-buku cenderamata	Koleksi buku cenderamata
Senarai nama-nama tokoh	Senarai nama tokoh
Persatuan bekas-bekas pelajar	Persatuan bekas pelajar
Rentetan peristiwa-peristiwa	Rentetan peristiwa
Susunan buku-buku	Susunan buku
Pelbagai alat-alat sukan	Pelbagai alat sukan

Loggokan barang-barang antik

Loggokan barang antik

Walaupun maksud rangkai kata tersebut tidak berubah, bentuk sedemikian tidak menepati tatabahasa bahasa Melayu dan wajar dibetulkan. Rugikah kita sekiranya kebiasaan yang tidak tepat itu kita tinggalkan?

Dalam bahasa Melayu, terdapat perkataan yang berawalan se- (bermakna satu) atau perkataan yang berangkai dengan kata bilangan satu yang mengandungi makna kumpulan atau mengandungi unit lebih daripada satu di dalamnya. Oleh itu, kata yang mengikutinya tidak boleh digandakan. Walaupun begitu, terdapat pengguna yang tidak mematuhi peraturan itu. Hal ini mengakibatkan kesalahan seperti yang berikut terus berleluasa.

SALAH	BETUL
Sebilangan penjawat-penjawat awam	Sebilangan penjawat awam
Sekawan burung-burung laut	Sekawan burung laut
Sejambak bunga-bunga	Sejambak bunga
Sebaris rumah-rumah setinggan	Sebaris rumah setinggan
Setimbun alat-alat sukan	Setimbun alat sukan
Sepuluh orang ahli-ahli persatuan	Sepuluh orang ahli persatuan

Satu lagi kesalahan yang berkaitan dengan penggandaan ialah kecenderungan pengguna menggandakan kata nama sebelum kata kerja berapitan ber...-an yang

menunjukkan jamak. Contoh kesalahan yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut.

SALAH	BETUL
bendera-bendera negara peserta berkibar	bendera negara peserta berkibar
bintang-bintang berkerdipan di langit	bintang berkerdipan di langit
barang-barang bertaburan di atas lantai	barang bertaburan di atas lantai
daun-daun kering berguguran	daun kering berguguran
lampu-lampu neon bergantung	lampu neon bergantung
unggas-unggas berterbangan di udara	unggas berterbangan di udara

Sesetengah pengguna bahasa Melayu cenderung menggandakan perkataan yang sudah pun mendukung maksud banyak. Hal ini tidak menepati tatabahasa bahasa Melayu dan wajar diperbetul. Antara kesalahan tersebut adalah seperti yang berikut:

SALAH	BETUL
Ibu-ibu bapa diminta hadir ke sekolah ...	Ibu bapa diminta hadir ke sekolah ...
Rakyat-rakyat negara ini hendaklah ...	Rakyat negara ini hendaklah ...
Mereka-mereka yang layak ke sana ...	Mereka yang layak ke sana ...

Penggandaan keseluruhan gabungan kata atau kata majmuk tidak menepati tatabahasa bahasa Melayu. Untuk menggandakan kata majmuk, perkataan pertama sahaja yang perlu digandakan seperti dalam contoh yang berikut:

SALAH	BETUL
Duta besar-duta besar	Duta-duta besar
Guru besar-guru besar	Guru-guru besar
kertas kerja-kertas kerja	kertas-kertas kerja
Ketua Menteri-Ketua Menteri	Ketua-ketua Menteri
Pegawai kanak-pegawai kanan	Pegawai-pegawai kanan
pihak berkuasa-pihak berkuasa tempatan	pihak-pihak berkuasa tempatan

Dalam konteks peperiksaan, kegagalan murid sekolah menguasai aspek ini pastinya merugikan. Sila baca perenggan karangan pelajar yang berikut dengan teliti. Bahagian yang dicondangkan adalah antara contoh kesalahan penggandaan yang dikesan dalam latihan pelajar meskipun perkara itu telah diperkatakan berulang kali.

Antara punca-punca penglibatan remaja dalam kegiatan lumba haram ialah kurangnya perhatian ibu bapa. Pada hari ini terdapat ramai ibu bapa yang terlalu sibuk dengan aktiviti harian masing-masing. Ada antara ibu bapa

yang terpaksa melakukan **pelbagai kerja-kerja sampingan** untuk menambah pendapatan. Sesetengahnya pula sibuk dengan urusan peribadi. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa yang berkenaan tiada masa untuk memberikan kasih sayang kepada **semua anak-anak**. Oleh sebab itu, tidak hairanlah sekiranya terdapat **segelintir daripada remaja-remaja** yang ketandusan kasih sayang ini melibatkan diri dalam lumba haram tanpa memikirkan soal masa depan.

Sebagai guru, penulis tidak jemu-jemu untuk memikirkan kaedah bagi membantu murid meninggalkan kesalahan sedemikian. Penulis yakin bahawa peranan yang sama dimainkan oleh guru Bahasa Melayu yang lain. Walaupun begitu, hasilnya agak mengecewakan. Penulis pernah memanfaatkan masa perhimpunan mingguan sekolah selama lima minit untuk memperkatakan satu atau dua perkara tentang tatabahasa, namun sikap tidak ambil berat kebanyakan guru mata pelajaran bukan bahasa tentang perkara ini menjadi penghalangnya. Keadaannya lebih buruk apabila murid lebih kerap mendengar ucapan pelbagai pihak yang langsung tidak memikirkan soal tatabahasa. Tegasnya, usaha untuk membudayakan penggunaan tatabahasa dengan betul sukar direalisasikan setelah orientasi Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum yang diuar-urkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia suatu ketika dahulu dikesampingkan oleh "kepandiran" kita. **PB**